

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

4. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah bangunan institusi agama di DUN Permatang Pasir yang terlibat dengan kerja naik taraf bagi tahun 2020.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Terdapat tiga (3) buah bangunan institusi agama Islam dalam DUN Permatang Pasir tersenarai untuk pelaksanaan kerja-kerja naik taraf bagi tahun 2020 yang telah diluluskan permohonannya melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri iaitu :-
  - (i) Masjid Jamek Permatang Pauh bagi tujuan menaik taraf ruang solat dan masjid yang berjumlah RM45,000.00;
  - (ii) Masjid Sama Gagah bagi tujuan menaik taraf bumbung masjid yang berjumlah RM300,000.00; dan
  - (iii) Masjid al-Falah, Pengkalan Tambang bagi tujuan menaik taraf tembok kubur yang berjumlah RM80,000.00.

Selain itu, terdapat satu (1) bangunan institusi agama yang dinaik taraf melalui pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Masjid Jamek Permatang Pasir bagi tujuan meroboh dan membina bangunan tambahan baharu yang berjumlah RM500,000.00.